**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

# KERATAN AKHBAR
# 11 Jun 2019 (SELASA)

DISEDIAKAN OLEH :

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**

# KERATAN AKHBAR 11 JUN 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | BERITA HARIAN |
| **TAJUK BERITA** | SELANGOR SEDIA JADI ORANG TENGAH: AMIRUDIN |
| **MUKA SURAT** | 12 |

PEMINDAHAN KUIL SRI MAHA MARIAMMAN

# Selangor sedia jadi orang tengah: Amirudin

Bertindak sebagai koordinator, pastikan situasi 'menang-menang' semua pihak

**Oleh Hazwan Faisal Mohamad dan Suhaila Shahrul Annuar**
bhnews@bh.com.my

**Sepang**

Kerajaan Selangor akan terus bertindak sebagai orang tengah dalam isu pemindahan kuil Sri Maha Mariamman di USJ 25, Subang Jaya, yang menyebabkan insiden rusuhan sebelum ini.

Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata kerajaan negeri itu akan menjadi koordinator, sekali gus memastikan situasi 'menang-menang' kepada semua pihak.

"Kita perlu tunggu dan berbincang (untuk selanjutnya). Seperti saya katakan sebelum ini, mahkamah sudah membuat keputusan, tetapi kini kita perlu uruskan hal berkaitan manusia, selain kuil itu juga.

"Kerajaan Selangor akan jadi koordinator untuk pastikan situasi 'menang-menang' untuk semua pihak yang mana kuil boleh beroperasi dan syarikat berkenaan boleh membangun.

**Bebas jalankan perniagaan**

"Selangor adalah negeri perniagaan dan industri, tentu kita mahu memastikan semua pihak mempunyai ruang mereka sendiri dan bebas menjalankan perniagaan masing-masing serta kerajaan bersedia membantu," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Beliau sebelum itu melancarkan bengkel pintar pertama di Malaysia untuk membaik pulih radom pada muncung pesawat dibina di Sepang Aircraft Engineering (SAE), sebuah anak syarikat milik penuh, Airbus.

Pada 13 Februari lalu, media melaporkan Mahkamah Tinggi Shah Alam menolak permohonan injunksi dikemukakan 50 penganut hindu di Kuil Sri Maha Mariamman, Seafield, terhadap pemaju, One City Development Sdn Bhd, bagi menghalang syarikat itu memasuki tanah tapak kuil dan merobohkannya.

Hakim Datuk Wong Kian Kheong, dalam keputusan beliau turut menolak permohonan injunksi 50 plaintif itu untuk mendapatkan perintah penangguhan terhadap writ pemilikan oleh One City.

# KERATAN AKHBAR 11 JUN 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | UTUSAN MALAYSIA |
| **TAJUK BERITA** | RAKYAT BANTAH CAJ PARKIR MDKS |
| **MUKA SURAT** | 9 |

## Rakyat bantah caj parkir MDKS

**KUALA SELANGOR 10 Jun** – Langkah Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) mahu mengenakan caj bayaran tempat meletak kereta 50 sen sejam mulai Julai ini tidak wajar memandangkan penduduk di sini berpendapatan rendah.

Pengerusi Majlis Perwakilan Komuniti Kampung (MPKK) Tanjong Siam, di Bestari jaya, **Ahmad Fardaus Abdullah** berkata, MDKS sepatutnya menaikkan taraf infrastruktur kemudahan meletak kereta di daerah ini terlebih dahulu jika mahu mengenakan caj parkir kerana jumlah parkir sebenarnya tidak mencukupi.

"Satu perkara lagi, kawasan seperti Puncak Alam ini bukan sepenuhnya kawasan komersial. Contohnya di kawasan Sinar Alam dan Fasa 2 Puncak Alam terdapat banyak taman perumahan.



**AHMAD FARDAUS ABDULLAH**



**MOHAMAD NOR AIREE**

Jadi tidak adil jika penduduk dikenakan caj parkir," katanya di sini hari ini.

Sementara itu, penduduk Kampung Bukit Hijau, Jeram, **Mohamad Nor Airee Ibrahim** menyifatkan pelaksanaan caj meletak kereta itu menambah beban rakyat.

Katanya, pihak yang merencanakan kadar caj tersebut langsung tidak sensitif dengan keresahan rakyat.

# KERATAN AKHBAR 11 JUN 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | HARIAN METRO |
| **TAJUK BERITA** | SAIPOLYAZAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LZS BAHARU |
| **MUKA SURAT** | 32 |

Shah Alam

## Saipolyazan Ketua Pegawai Eksekutif LZS baharu

Lembaga Zakat Selangor (LZS) melantik Saipolyazan Mat Yusop sebagai Ketua Pegawai Eksekutifnya yang baharu berkuat kuasa semalam.

LZS dalam satu kenyataannya di sini berkata, Saipolyazan dilantik ke jawatan berkenaan bagi menggantikan Hussin Mohd Ali yang mengosongkan jawatan berkenaan pada 10 Oktober 2017.

Sepanjang tempoh kekosongan itu, jawatan berkenaan dipangku oleh Ketua Pegawai Penyelaras LZS Abdul Basith Hamid.

"Beliau mempunyai pengalaman selama 25 tahun dalam bidang pengurusan dan pernah berkhidmat dengan beberapa syarikat korporat.

Antara jawatan yang pernah disandang beliau sebelum ini adalah Ketua Pengurusan Kemudahan – Al Borj Facility Management (Arab Saudi), Pengarah Pengurusan Fasiliti IBEX Management Services Sdn Bhd, Pengarah Operasi Kumpulan IBEX Group of Companies.

# KERATAN AKHBAR 11 JUN 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | SINAR HARIAN |
| **TAJUK BERITA** | SELANGOR CATAT SEJARAH TERSENDIRI |
| **MUKA SURAT** | 19 |

# Selangor catat sejarah tersendiri

*Bengkel pintar pertama di Malaysia dilancarkan di Sepang Aircraft Engineering (SAE)*

MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI

**SEPANG**



Amirudin ketika melawat ke Sepang Aircraft Engineering semalam.

Selangor mencatatkan sejarah tersendiri apabila sebuah bengkel pintar pertama di Malaysia dilancarkan di Sepang Aircraft Engineering (SAE) semalam.

Bengkel pintar itu merupakan milik SAE yang merupakan anak syarikat milik penuh Airbus.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, bengkel pintar ini merupakan tempat membaik pulih radom iaitu muncung pada pesawat.

"Saya difahamkan bengkel pintar ini terdiri daripada tiga bilik pemeriksaan, sebuah bilik mengempelas, dua ruang menyembur cat yang khusus, sebuah bengkel bilik bersih dan sebuah bilik pengeringan serta membaik pulih cat.

"Tahap kecekapan bengkel ini dipertingkatkan melalui penggunaan teknologi digital pintar secara ekstensif yang dapat memanfaatkan data diperolehi dari pesawat sepenuhnya dan penggunaan fungsi automasi secara maksima," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan pembukaan bengkel itu semalam.

Beliau berkata ia merupakan sebahagian daripada Rancangan Malaysia Ke-11, dana dan geran, sebahagiannya untuk membuat kajian dan alatan dan komponen yang akan dibaiki di sini.

"Ini adalah hangar yang berfungsi sebagai *maintainance* untuk kapal terbang Airbus," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Sepang Aircraft Engineering Raymond Lim berkata, penggunaan teknologi pintar dan digitalisasi mempertingkatkan kecekapan di SAE yang merupakan usaha Airbus di Malaysia.

# KERATAN AKHBAR 11 JUN 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | SINAR HARIAN |
| **TAJUK BERITA** | TURAPAN TAK SEMPURNA PUNCA JALAN TERUK |
| **MUKA SURAT** | 20 |

# Turapan tak sempurna punca jalan teruk

***Bahayakan keselamatan pengguna khususnya penunggang motosikal***

HASNIZA HUSSAIN

**SHAH ALAM**



Keadaan jalan di Seksyen 16 di sini yang tidak rata serta rosak akibat kerja-kerja korekan yang dijalankan



**Keadaan jalan yang rosak akibat kerja penurapan tidak sempurna di kawasan bulatan Bistari (depan UiTM) dan di Persiaran Raja Muda berdekatan Hotel UiTM.**

Keadaan jalan yang rosak akibat kerja-kerja menanam kabel voltan tinggi yang sedang dilakukan di kawasan Seksyen 16 berdekatan kilang Cadbury, di sini, menimbulkan kebimbangan kepada pengguna jalan khususnya penunggang motosikal yang berulang-alik setiap hari untuk ke tempat kerja.

Lebih teruk kerosakan pada jalan tersebut agak dalam dan besar, malah mungkin tidak disedari pengguna yang melalui kawasan itu pada waktu malam.

Berdasarkan video berdurasi seminit yang tular di media sosial sejak kelmarin, menunjukkan kawasan tersebut pada waktu malam sangat gelap dan terdapat beberapa kon diletakkan di situ sebagai tanda jalan sedang dibaiki.

Rakaman video menunjukkan papan tanda yang memaklumkan kerja-kerja sedang dilakukan oleh TNB pula dilihat disandarkan di tepi pokok berdekatan jalan, sementara terdapat longgokan batu tar dilihat bertaburan di tepi dan atas jalan.

Menurut video tersebut, terdapat kesan turapan pada jalan tapi ia tidak dibuat dengan sempurna dan berkemungkinan menggunakan tar yang tidak berkualiti, sehingga menimbulkan persoalan apakah ia dilakukan secara ala kadar oleh pihak terlibat selepas kerja mereka selesai.

Sementara itu, tinjauan yang dilakukan *Sinar Harian* di lokasi itu semalam mendapati beberapa pekerja sedang sibuk melakukan kerja-kerja mereka, malah lorong kanan ditutup dan beberapa papan tanda memaklumkan kerja-kerja sedang dibuat serta kon juga diletakkan semula di lokasi.



**HAFIZAN**

Keadaan jalan yang teruk serta kesan turapan dilihat masih sama seperti dirakamkan pada video yang tular.

Selain itu, kira-kira 50 meter dari lokasi kelihatan beberapa pekerja sedang melakukan kerja-kerja penurapan jalan.

### *Turapan jalan sekadar melepas batuk di tangga*

Seorang penunggang motosikal, **Hafizan Mohamad Ishak**, 35, yang sering menggunakan laluan tersebut berkata, jalan di situ sudah diturap tapi ia dilihat seperti melepaskan batuk di tangga.

"Hari ini turap tapi tak sampai berapa hari, rosak semula dan keadaan jalan semakin teruk...Sangat bahaya kepada pengguna terutamanya penunggang motosikal.

"Keadaan jalan yang tidak rata dan tiada amaran kerja-kerja sedang dijalankan menambahkan lagi risiko," katanya.

Hafizan berharap perkara itu diberi perhatian oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Katanya, selain faktor jalan yang teruk, banyak lagi masalah lain yang timbul di lokasi sama seperti air bertakung setiap kali hujan lebat serta lori treler yang diparkir di tepi jalan di situ turut menyusahkan pengguna.

"MBSA perlu pantau kontraktor yang dilantik pihak-pihak yang melakukan kerja di situ bagi memastikan perkara sama tidak berulang. Jangan tunggu bila dah meragut nyawa pengguna, baru nak bertindak," katanya.

### *Kawasan lain turut terjejas*

Sementara itu, seorang lagi pengguna, **Amir Satria Md Rodzi**, 29, berkata, masalah jalan rosak akibat kerja-kerja dijalankan pihak tertentu bukan saja berlaku di Seksyen 16 tetapi juga di beberapa kawasan lain di Shah Alam.

"Ini bukan perkara baru tapi masalah yang masih belum dapat diselesaikan sejak dulu lagi...Tidak dinafikan kerja-kerja penurapan atau naiktaraf jalan ada dilakukan tapi semuanya tidak bertahan lama.

"Kurang seminggu, keadaan jalan kembali pecah, berlubang, tidak rata dan akhirnya menyumbang kepada kejadian tidak diingini," katanya.

### *MBSA beri amaran kepada semua syarikat utiliti*

MBSA dalam satu kenyataan semalam memberitahu, perkara itu sudah dimaklumkan kepada TNB kerana kerja-kerja korekan serta tampalan yang tidak kemas tersebut dilakukan oleh kontraktor yang dilantik.

"Mereka juga sudah diberi peringatan supaya memastikan jalan-jalan yang dikorek ini dibuat tampalan yang berkualiti dan kemas. Sekiranya mereka gagal, MBSA akan menggunakan wang cagaran yang disediakan untuk memperbaiki kesan-kesan korekan dan tampalan yang dilakukan sebelum ini.

"Selain itu, kita juga ingin mengingatkan kepada syarikat-syarikat utiliti agar dapat memastikan papan tanda keselamatan diletakkan termasuk pemasangan kon dengan jarak yang sesuai sekiranya melakukan kerja-kerja korekan," katanya.

Dalam kenyataan sama, MBSA turut memaklumkan aduan berkaitan masalah jalan berdekatan Hotel Universiti Teknologi Mara (UiTM) adalah disebabkan kerja-kerja yang dilakukan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) di kawasan bulatan Bistari (depan UiTM) dan di Persiaran Raja Muda.

"Setelah kerja-kerja itu siap sepenuhnya, MBSA akan membuat turapan di kawasan tersebut," katanya.

Sementara itu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) memaklumkan akan mengeluarkan kenyataan berhubung isu dibangkitkan dalam masa terdekat.



**Papan tanda amaran serta kon baharu diletakkan di sepanjang jalan Seksyen 16 selepas video mengenal isu berkenaan tular semalam.**

# KERATAN AKHBAR 11 JUN 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | STAR METRO |
| **TAJUK BERITA** | RAINING MISERY |
| **MUKA SURAT** | 1 |

# Raining misery

Residents question the effectiveness of flood mitigation measures in some Klang Valley neighbourhoods as their houses continue to be inundated each time there is a downpour. >2&3



**High and dry:** The tunnel (at right) built to channel water to the underground flood retention pond in Taman Nirwana in Ampang Jaya, Selangor, is too high and ineffective to handle the volume during heavy rain.

# KERATAN AKHBAR 11 JUN 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | STAR METRO |
| **TAJUK BERITA** | FLOOD MITIGATION INEFFECTIVE |
| **MUKA SURAT** | 2 |



A resident's home along Jalan Putra 5 that was flooded during a downpour. (Right) The underground flood retention pond is located beneath a green space along Jalan Nirwana 46.

# Flood mitigation ineffective

## Underground retention pond in Taman Nirwana fails to do the job

By SHALINI RAVINDRAN
shaliniravindran@thestar.com.my

FLOODING is a recurring problem that residents of Taman Nirwana and Taman Putra Sulaiman in Ampang Jaya have had to live with for over a decade.

They thought their woes were finally over following the completion of a RM4mil flood mitigation project by Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ); instead they had a rude awakening when their neighbourhood was inundated last month.

Ampang Jaya People's Consultative Council advisor and Taman Nirwana resident M. Thomas said the monsoon drain in the area was meant to accommodate three neighbourhoods but there are now seven.

"Initially, the drainage was only supposed to be for Taman Nirwana, Taman Cahaya and Taman Putra Sulaiman but as new housing development projects were built, they all used the same drainage.

"Of course there was no way existing drains would be able to cope with the excess water, causing flash floods, the brunt of which was borne by Taman Nirwana," he said, adding that residents had tried to get MPAJ to address the issue for many years.

"We were optimistic that the problem would be resolved with the building of the underground flood retention pond at Jalan Nirwana 46, but unfortunately this has not happened," he said.

On May 20, several homes at Jalan Putra 4 and Jalan Putra 5, including a kindergarten and mosque, were flooded during a 30-minute downpour.

Kindergarten operator Rusha Ghazalli said they have had to put up with flash floods at least three times a year since they started operating at Jalan Putra 4 seven years ago.

"Damage to the interior and exterior of the building was severe, including the furniture and books.

"Each time it happens, we will have to repaint the wall as there are unsightly watermarks.

"The first year it happened we were caught unawares but we tried to mitigate the effects by raising the floor but that did not work.

"It is not only taking a toll on us financially, but also time and energy is required to clean up the mess afterwards.

"Parents rely on us and if we have to close the kindergarten for clean-up works, it is troublesome. More importantly, it is affecting our business as we rely on word of mouth," she said.

Jalan Putra 5 resident Anthony Pathinathan, 54, said his home had

# KERATAN AKHBAR 11 JUN 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | STAR METRO |
| **TAJUK BERITA** | FLOOD MITIGATION INEFFECTIVE |
| **MUKA SURAT** | 3 |







Abdul Hamid says the underground flood retention pond needs to be improved.



Residents hope the monsoon drain along Jalan Ampang Putra would be deepened and cleared of debris to prevent flooding.

been flooded three times over the past five years.

"This time around, the compound was flooded but if the rain had lasted just a little longer, it would have entered my home.

"We did not expect to face this problem again as we hoped the flood mitigation measures carried out would be effective," he said.

MPAJ president Datuk Abdul Hamid Hussain said although physical works for the underground flood retention pond was completed, the project consultants have been asked to come up with suggestions to improve its effectiveness.

"We have taken note of the recent flooding, which although not as aggressive as before, still needs to be addressed.

"One of the suggestions is to instal a weir at the monsoon drain to direct the flow of water into the pond when there is heavy rain.

"However, this system will only be activated when there is a high volume of water flowing into the monsoon drain.

"When the volume is low, we cannot channel water straight into the retention pond as this could also bring debris and rubbish, which would increase maintenance costs," he said, adding the consultants were in the process of drawing up the designs before presenting them to MPAJ.

Abdul Hamid added that the underground flood retention pond had a capacity of 2,150 cubic metres.

"The initial cost as per the consultant's report was RM11mil, but we were only allocated RM4mil by the state government as part of phase one.

"We are not carrying out the other phases yet as we have to ensure phase one is fully functional.

"If it can stop the flooding, then we would not have to commission other flood prevention methods."



Thomas says Taman Nirwana has had to bear the brunt of flash floods.



Taman Putra Sulaiman residents are always worried that water from the monsoon drain will overflow into their houses during a downpour.

# KERATAN AKHBAR 11 JUN 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | STAR METRO |
| **TAJUK BERITA** | WEIR IN SUNGAI UNTUT TO BE DEMOLISHED |
| **MUKA SURAT** | 2 |

# Weir in Sungai Untut to be demolished

By VIJENTHI NAIR
vijenthi@thestar.com.my

THE weir at Sungai Untut which has been causing flash floods in Jalan Union 1-3 in Sentul will be demolished.

Kuala Lumpur Drainage and Irrigation Department (DID) director Nishad Mohamed Mohd Shaffy said the contractor was facing difficulties bringing in heavy machinery to break the structure.

"The contractor should be able to bring in the machinery this week," he said.

"As a temporary measure, the contractor was cleaning debris stuck in the weir daily to minimise obstruction to the water flow and pumping out floodwaters back into the river.

"I was informed that the contractor also installed two flap gates at the connecting drains to prevent river water from flowing back into the houses when the water level rises.

"The contractor will also be installing two more flap gates soon," said Nishad, adding that these measures had helped reduce the intensity of flash floods.

It was reported that the bungalows on Jalan Union 1-3, located next to Sungai Untut, had been affected by several flash floods since March after the weir was built.

The weir was part of the River of Life project for an interceptor system and river water treatment plant in Sungai Untut to clean the water before releasing it back into the river which connects to Sungai Gombak.

After the worst flash floods on May 19, where floodwater rose to about two feet, the residents attended a meeting with DID where it was decided that the weir would be demolished.

Resident Manpal Singh, 30, said they were told that the contractor had altered the approved design without their consent, and this had caused the flash floods.

"The DID officer instructed the contractor to demolish the structure immediately," said Manpal, adding that residents would worry every time it rains.

"Both my family homes, which are located on the lowest-lying area still get flooded every time it rains," he said.



Two bungalows on Jalan Union 1-3 in Sentul get flooded whenever it rains heavily.

# KERATAN AKHBAR 11 JUN 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | STAR METRO |
| **TAJUK BERITA** | STUDY NEEDED ON DRAINAGE SYSTEM IN MERU |
| **MUKA SURAT** | 3 |

# Study needed on drainage system in Meru

By CHRISTINA LOW
christinalow@thestar.com.my



Izham (in red cap) inspecting a drain at the Klang Hokkien Cemetery together with DID and MPK officials.

RESIDENTS in Meru, Klang, have to deal with constant flooding every time there is heavy rain.

In March, more than a thousand families were affected by flash floods, leaving them homeless for a few days.

Selangor Infrastructure and Public Amenities, Agricultural Modernisation and Agro–based Industry Committee chairman Izham Hashim met with representatives of the Selangor Drainage and Irrigation Department (DID) and Klang Municipal Council (MPK) on the matter.

"We need more time to study the drainage system as there are many ongoing development projects here," he said during the meeting at the Meru Town Community Hall.

Izham said the flooding began in November last year with the most recent in March this year.

Floodwaters rose quickly and entered homes in Taman Daya and Jalan Teratai.

"The flooding was very bad in low-lying areas," said Izham.

He said rainwater from neighbouring areas was discharged into Sungai Binjai and Sungai Kapar Kecil but the rivers could not hold such a high volume, especially during a heavy downpour, causing them to overflow.

During the two-hour discussion, officials also inspected drainage at several nearby areas including near Fairy Park, Klang Hokkien Cemetery and Meru Christian Cemetery.

"We will be looking for the most effective way to resolve this issue, including providing more water retention ponds to manage rainwater runoff," said Izham.

However, he noted that some areas had water retention ponds which are not working effectively.

"These ponds only retain water for a short period before discharging it to the river," he said, adding that he had instructed MPK to look into it.

Izham also said both MPK and Shah Alam City Council should clean clogged drains as rubbish could also cause severe flooding.

# KERATAN AKHBAR 11 JUN 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | STAR METRO |
| **TAJUK BERITA** | ADDED FEATURES TO MAKE CROSSING SAFER FOR PEDESTRIANS |
| **MUKA SURAT** | 4 |

## Added features to make crossing safer for pedestrians

By OH ING YEEN
ingyeen@thestar.com.my

NEW features have been installed at the pedestrian crossing in Persiaran Tujuan connecting Jalan SS18/4 and Jalan SS19/6.

They are aimed at improving the level of safety for road users.

Speaking to *StarMetro*, Subang Jaya assemblyman Michelle Ng said, "My office had received a lot of feedback from residents in the earlier part of 2019, especially during the rainy season, about the level of safety at this junction.

"Many people, especially those living in the SS19 low-cost flats, use this crossing to walk from Jalan SS18/4 to Jalan SS19/6.

"They say motorists drive far too fast on this road. A few have said some motorists do not bother to stop for pedestrians to cross.

"When we spoke to motorists, a number of them said they could not see that there was a pedestrian crossing at that junction. Many accidents had occurred as a result."

Ng raised the issue with the Subang Jaya Municipal Council's (MPSJ) Engineering Department.

"Ken Chia, MPSJ councillor for Zon 1, also did a lot of the ground work by conducting site visits and following up on the matter.

"Since then, MPSJ had added speed breakers and cemented the steps of the pavement from SS18/4 to the traffic lights so that it would be easier to walk on," she said.

"We notice that drivers are slowing down significantly now when they approach that junction.

"We hope this also translates to a reduction in accidents and increased safety for pedestrians.

"I thank MPSJ for the upgrading works," said Ng.



The pedestrian crossing in Persiaran Tujuan is more visible now with speed breakers and the word 'perlahan' (slow) painted on the road.



New safety features for the pedestrian crossing in Persiaran Tujuan include speed breakers. — Photos: SAM THAM/The Star


EUROPE | AUSTRALIA | RUSSIA All In Price FROM RM
9/10D Central Europe/+ London 6288
8D Melbourne & Sydney 5999
10D Eastern Europe 6988
5D Perth + Farm Stay 4188
8/9/10D Italy /+ Switzerland 4988
10D Russia+Murmansk with Northern Nights 10188
CHINA All In Price FROM RM
6D Guilin 1699
8D Guizhou Tour (No Shopping Stops) 3799
6/9D Beijing 2599
4/5D Hainan 999
6/8D Jiangnan Tour/+ Disneyland 2799
8D Kunming + Shangri-La (No Shopping Stops) 4199
CAMBODIA | VIETNAM All In Price FROM RM
5D Siem Reap/ Phnom Penh 2299
4/5D Nha Trang / Dalat 1999
5D Hanoi/ Halong Bay 1699
6/5D Danang/ Bana Hill 2099
JAPAN | KOREA All In Price FROM RM
7D Tokyo Osaka 5888
6/7D Colourful Hokkaido 4888
6/8D Love In Korea + Jeju 2999
6D Travel In Busan 2999
6/8D Winter Love In Korea + Jeju 3499
TAIWAN All In Price FROM RM
6D Taiwan Leisure Tour 1899
7D Amazing Taiwan/ West Coast 2499
8D Best Taiwan 3099
4-7D Taiwan Private Tour (Ground only) 799
HONG KONG | MACAO All In Price FROM RM
5D HK/ Macao + Disneyland 3299
5D Explore Hong Kong Ocean Park + Disneyland 3099
THAILAND All In Price FROM RM
5D Bangkok/ Pattaya + Hajime 1799
5D Bangkok/ Huahin Tour 1899
5D Bangkok/ Khao Yai 1999
5D Chiangmai/ Chiangrai 1999
INDONESIA All In Price FROM RM
4D I Love Bali 1339
4D Scenic Medan/ Lake Toba 1599
EXOTIC All In Price FROM RM
6/8D India Golden Triangle/ Kashmir 3689
6D Nepal Discovery 4599
10D Turkey 4299
eden Dream. Explore. Discover.
03-2733 1330
* Surcharge applies during peak season * All prices are subject to change w/o prior notice * Other terms and conditions apply
Eden Tours & Travel Sdn. Bhd. KPK/LN 1655 R.O.C 183304-M Inbound / Outbound / Ticketing
Ticketing Hotline : 03-3000 8880
No. 290, 1st Floor, Jalan Pudu 55100 KL
travel@edenvacation.com
edenvacation.com

| AKHBAR | THE SUN |
|---|---|
| TAJUK BERITA | MB: SELANGOR HAS ECOSYSTEM FOR AEROSPACE |
| MUKA SURAT | 10 |

# MB: Selangor has ecosystem for aerospace

## Malaysia's first 'smart' workshop for repairing aircraft nose radomes launched

BY **EE ANN NEE AND RAJVINDER SINGH**
*sunbiz@thesundaily.com*



Lim (left) and Amirudin opening the smart radome workshop at SAE. – **ADIB RAWI YAHYA/THESUN**

**SEPANG:** Selangor has the complete ecosystem to help develop the aerospace industry, said its Mentri Besar Amirudin Shari.

He said to help develop the aerospace industry the state has a council that meets yearly to do the required planning for the industry.

"This was one of the reasons the state chose the aerospace industry as part of its cluster for its investment strategy," he told the media after launching the country's first "smart" workshop for the repair of aircraft nose radomes at the Sepang Aircraft Engineering (SAE) hangar.

Amirudin said the workshop which uses smart solutions meets the Smart Selangor 2025 vision and forms part of Industry 4.0.

He pointed out that the workshop was part of the 11th Malaysia Plan and it was fully supported by the government.

He said Airbus who owns SAE has invested heavily not only in Sepang but also in Subang.

"The SAE maintainence, overhaul and repair (MRO) centre here has attracted airlines from countries such as Japan, India, Thailand, Singapore and also leasing companies."

Airbus is the largest international partner for the Malaysian aerospace sector, with its sourcing and services businesses in the country worth US$400 million (RM1.67 billion) per year for the local economy.

SAE CEO Raymond Lim said it is aiming to service up to 200 radomes this year, from 170-180 radomes last year with the smart radome workshop.

"We have a marginal increase but with the increase in smart radome processes that we put in place, the gaps will go up to about 200 and we will move higher in the years to come."

The smart radome workshop uses digital and smart technologies, harnessing the data produced by aircraft and maximising automation. It can increase efficiency at SAE and provide more value for customers by reducing aircraft downtime. This is part of several ongoing efforts that Airbus has undertaken in Malaysia that have the potential to transform the MRO sector.

"In terms of Industry 4.0, the human portion of it is still important. We're not doing away with the human part, but the human is doing higher level activities as far as the maintenance process is concerned," explained Lim.

SAE specialises in the MRO of commercial aircraft, engines and components. It provides support for the growing Airbus A320 family fleets in the Asia Pacific, as well as the region's ATR turboprop aircraft.

"This is the first step for us to move into smart technologies. Based on the lessons that we've learned from the implementation of the smart radome, we will then move into other parts of MRO," said Lim.